

Ranchas' FM iaitu Aiman, Balqis, Nasrul dan Raziq yang menyampaikan info pendidikan mengenai pencegahan dan pemulihan pan-

demik COVID-19 dalam situasi norma baharu. Seperti biasa, penggambaran ini dilakukan secara atas talian dengan menggu-

nakan skype untuk mencegah penyebaran COVID-19 dan melibatkan guru serta pelajar dari Semenanjung Malaysia. Selain dari melakukan

P2MP, SMK Ranche-Ranche juga bersedia untuk menerima pelajar walaupun perlu memberikan banyak penekanan dari aspek keselamatan pelajar.

Jabatan Pendidikan WP Labuan telah melakukan penilaian terhadap SMK Ranche-Ranche pada 17 Jun lalu.

Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Khaziyati Osman turut meluahkan rasa gembiranya terhadap perediaan SMK Ranche-Ranche melalui Rancangan Selamat Pagi Labuan - Jom Kembali Ke Sekolah Norma Baharu bersama Warga Pendidik.

"Berdasarkan pemantauan kami di bilik-bilik darjah, bilik khas, kantin dan persekitaran lain, saya mendapati sekolah ini memang cukup bersedia untuk pembukaan semula sekolah pada 24 Jun.

"Semua garis panduan dan penekanan terhadap keselamatan iaitu penjarakan sosial dan kesihatan memang dilaksanakan," katanya dalam



**PENGAMBARAN:** Proses penggambaran program Selamat Pagi Labuan oleh Team Ranchas Production daripada Pusat Sumber DSDN SMK Ranche-Ranche.

rancangan SPL - Warga Pendidik.

Sementara itu, Pengetua SMK Ranche-Ranche Cikgu Yahya Ahmad Puteh berkata, Ranchas' TV merupakan satu-satunya pusat sumber di Labuan yang menjalankan pencegahan dan pemulihan pandemik COVID-19 kepada pelajar, guru dan warga setempat melalui medium radio dan televisyen.

"Saya sangat berbangga akan usaha ini kerana para pelajar dari generasi muda telah mulai sedar akan tanggungjawab mereka untuk memutuskan rantaian COVID-19," katanya.

Manakala Ketua Penolong Pengarah Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP) Jabatan Pendidikan Labuan Awang Marten Datuk Haji Abdul Rahman, memuji akan

perancangan Pusat Sumber Sekolah DSDN SMK Ranche-Ranche dengan mewujudkan TV Pusat Sumber.

Tambahnya, pelajar didedahkan dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi secara profesional melalui aplikasi teknologi digital semasa yang sangat memberi manfaat kepada para pelajar.

Pusat Sumber Sekolah SMK Ranche-Ranche akan menerbitkan lebih banyak program pencegahan dan pemulihan terutamanya kepada para pelajar melalui medium radio dan televisyen.

Guru Media SMK Ranche-Ranche Cikgu Sapri Idris pula, percaya komitmen dan kemahiran yang dimiliki oleh team Ranchas Production akan berupaya menerbitkan banyak lagi rancangan yang

memberi pendidikan ketika pandemik COVID-19.

Untuk rancangan Selamat Pagi Labuan, Team Ranchas' Production yang terdiri dari Ranchas' TV dan Ranchas' FM melakukan penggambaran selama dua hari untuk rancangan pada kali ini yang melibatkan ramai warga pendidik, komuniti dan pelajar.

Pembantu team produksi juga mematuhi SOP ketika penggambaran berlangsung iaitu penjarakan sosial satu meter, penggunaan pelitup muka, malah pelajar dari WP Labuan sendiri melakukan penggambaran hanya secara atas talian.

Rancangan SPL ini akan ditayangkan pada penghujung bulan Jun melalui pelantar YouTube Channel Ranchas' Production.



**TAYANGAN JUN:** Rancangan SPL ini akan ditayangkan pada penghujung bulan Jun melalui pelantar YouTube Channel Ranchas' Production.